

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 2

Tumpuan subsidi bersasar

PM bentang KSP RMK12 di Dewan Rakyat hari ini, semak mekanisme penetapan subsidi

Tumpuan subsidi bersasar

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat hari ini antaranya akan memfokuskan kepada penyusunan semula subsidi su-

paya pengagihannya lebih ber-

sasar.

Berdasarkan Aturan Urusan Mesyuarat, Anwar yang juga

Menteri Kewangan kemudian

akan mengemukakan usul khaskan kelulusan KSP RMK-12 bagi

tempoh 2023-2025.

Pada tahun 2022, kerajaan menanggung subsidi kepenggunaan sebanyak RM77.3 bilion

meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, menerusi KSP RMK-12 kerajaan akan membuat penyesaran semula subsidi dengan menambah baik pengurusan pemberian subsidi agar

lebih cekap dan bersasar.

Menurut beliau, antara yang akan dititikberatkan adalah semakan semula mekanisme penetapan subsidi bagi produk petroleum dan penstrukturkan semula tarif elektrik.

Sebelum ini kerajaan memaklumkan mampu berjimat sehingga RM17 bilion jika golongan T20 tidak menikmati subsidi petrol, diesel dan LPG.

Ini kerana penggunaan ketiga-tiga bahan api itu dalam kumpulan B40 hanya sekira 24 peratus, M40 (41 peratus) dan kumpulan T20 (35 peratus).

"Ke arah pelaksanaan subsidi bersasar kerajaan akan menggunakan pokok pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU).

Bersambung di muka 2*

Tumpuan subsidi bersasar

Dari muka 1

"PADU akan dijadikan sebagai sumber rujukan bersepadan dalam membuat keputusan dasar berdasarkan data," kata beliau semalam.

Rafizi sebelum ini memaklumkan, PADU akan mula berfungsi tahun depan dengan segala maklumat dikemas kini dengan lebih menyeluruh dan cepat, sekali gus memastikan inisiatif kerajaan lebih memepati apa yang diperlukan.

Dalam pada itu, menuрут beliau, rangka kerja KSP RMK-12 diperkenalkan untuk memacu pembangunan Malaysia hingga 2025 dan seterusnya selaras dengan wadah ekonomi Madani bagi mengangkat semula darjah dan martabat negara.

"Dokumen itu mengetengahkan 31 tumpuan mengandungi 17 Anjakan Besar untuk memangku pembangunan sosioekonomi melalui pemacu dan tiga fokus utama bertemakan Malaysia Mampan, Sejahtera dan Berpendapat Tinggi.

"Pemacu utama ialah mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam melalui tatakelola dan rangka kerja institusi serta perundungan berkaitan rasa-sua," katanya.

Rafizi berkata, tiga fokus utama dalam dokumen itu pula ialah memperkuatkan kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapat tinggi.

Katanya, terdapat 16 dasar dan inisiatif baharu yang

diperkenalkan dalam KSP bagi mempertingkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan awam dan juga 16 dasar dan inisiatif baharu bagi memperkuatkan kemampuan negara.

"Selain itu, tujuh dasar dan inisiatif baharu diperkenalkan untuk membina bangunan masyarakat sejahtera dengan lapan dasar dan inisiatif untuk mencapai negara berpendapat tinggi," katanya.

Rafizi berkata, kerajaan turut merangka program dan projek bagi menyokong pelaksanaan KSP RMK-12 berpaksikan rakyat, selain program pembangunan insan Madani dan spiritual.

Ini termasuk program dan projek dipacu sektor swasta serta program bagi merapatkan jurang pembangunan.

"Pelaksanaan akan dipantau untuk memastikan sasaran dicapai dan pengenalaman langkah intervensi berkesan antaranya menyasarkan sifar peruntungan berkemiskinan tegar menjelang 2025.

"Pasca 2025 kita menginginkan Malaysia baharu yang mampan dan progresif. KSP ini memberi tumpuan untuk menangani pelbagai isu dan cabaran ke arah mencapai negara mampan, sejahtera dan berpendapat tinggi," katanya.

KSP RMK-12 diajarkan dengan kerangka Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat yang menjadi landasan pelaksanaan dasar dan pencapaian aspirasi jangka panjang

negara.

Pada 19 Jun lalu, Mesyuarat Khas Perdana Menteri bersama Ahli Jemaah Menteri dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian mengenai KSP RMK-12 bersetuju supaya semua pihak bergerak sebagai satu pasukan ke arah mempercepatkan pelaksanaan reformasi dan inisiatif ekonomi yang dirancang.

Anwar menyatakan mesyuarat khas itu untuk membincangkan hala tuju KSP RMK-12 bagi memastikan ekonomi kekal kukuh dan di landas tepat ke arah mencapai agenda Malaysia Madani.

Kick-Off Conference KSP RMK-12 dimulakan 6 Disember 2022 seterusnya mengadakan sesi libat urus bersama negeri untuk mendapatkan persetujuan pelaksanaannya bagi mengukur pencapaian pada 2021-2022 serta hala tuju 2023-2025.

